



**AGENSI PENGANGKUTAN AWAM DARAT
LAND PUBLIC TRANSPORT AGENCY**

HEBAHAN AWAM

PINDAAN TARIKH PEMBAYARAN BANTUAN PEMERKASA+

1. Pihak Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) ingin menarik perhatian semua pihak khususnya penerima Bantuan PEMERKASA+ mengenai **pindaan tarikh** pembayaran bantuan tersebut yang dirancang untuk dibuat sebelum 15 Julai 2021.
2. Bagi pemohon kategori pemandu teksi/kereta sewa, bas sekolah dan bas persiaran yang memenuhi kriteria Bantuan PEMERKASA+, pemohon dijangka akan menerima pembayaran mereka mulai pada 27 Julai 2021. Manakala bagi pemandu e-hailing pula, tarikh pembayaran akan dimaklumkan kemudian.
3. Pihak APAD ingin menjelaskan bahawa pindaan tarikh pembayaran ini disebabkan oleh proses teknikal yang tidak dapat dielakkan. Segala kesulitan yang dihadapi oleh semua pemohon yang terlibat amatlah dikesali dan pihak APAD memohon maaf berhubung perkara ini.

TAMAT.

Mengenai APAD.

Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD) adalah salah satu agensi di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia yang bertanggungjawab dalam mengawal selia dan memantau aspek perlesenan kenderaan perkhidmatan awam, kenderaan pelancongan, kenderaan barang dan sistem rel di Semenanjung Malaysia

Pertanyaan Media.

Unit Komunikasi Korporat
Agensi Pengangkutan Awam Darat (APAD)
Kementerian Pengangkutan Malaysia
Emel: ukk@apad.gov.my